

**Lam Thye Gesa Rakyat Sokong Pihak Berkuasa Berhubung Insiden Pesawat Hilang  
Bernama  
9 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Niosh) Tan Sri Lee Lam Thye menyeru rakyat Malaysia supaya menyokong pelbagai pihak berkuasa dalam menangani insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS).

Beliau berkata pelbagai agensi dan pihak berkaitan sedang melakukan yang terbaik untuk mengesan pesawat, penumpang dan krew yang hilang itu.

"Saya terkejut dengan kehilangan penerbangan MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing dan menyeru semua rakyat Malaysia agar berdoa untuk keselamatan para penumpang dan krew di dalam pesawat.

"Saya berharap keluarga penumpang bertenang dan turut berdoa demi keselamatan orang yang mereka sayang," katanya dalam satu kenyataan.

Pesawat MAS MH370 membawa 227 penumpang termasuk dua kanak-kanak dan 12 krew didapati hilang dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing kira-kira sejam selepas berlepas dari KLIA pada pukul 12.41 pagi Sabtu.

Ia sepatutnya mendarat di Beijing pada pukul 6.30 pagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020444>